

TALKING POINTS

**YAB DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN
MENTERI BESAR
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**SEMPENA
PERHIMPUNAN PENTADBIRAN KERAJAAN
NEGERI SEMBILAN
TAHUN 2019**

**TEMPAT : DEWAN DATO' BAHAMAN,
KUALA PILAH**

PADA : 08 FEBRUARI 2019 (JUMAAT)

MASA : 08.00 PAGI

**Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara
Majlis**

YB Dato' Dr. Razali Abdul Malik
Setiausaha Kerajaan Negeri

Tuan Syahrul Nizam Saleh
Pegawai Daerah Kuala Pilah

**Tuan-tuan dan Puan-puan Warga Penjawat Awam
Sekalian,**

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
dan Salam Bersih, Muafakat, Sejahtera.**

1. Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia serta keizinan-Nya dapat

kita semua hadir dan berkumpul di pagi indah ini, bersempena dengan Perhimpunan Pentadbiran Daerah Kuala Pilah 2019.

2. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada YB Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pegawai Daerah Kuala Pilah serta urus setia majlis yang menganjurkan perhimpunan pada pagi ini, untuk saya menyampaikan amanat kepada penjawat awam yang berkhidmat di Kuala Pilah. Saya juga ingin mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada penjawat awam yang menyambut Tahun Baru Cina.

3. Sesungguhnya, komitmen semua agensi strategik yang turut terlibat dalam menjayakan majlis pada pagi ini serta semua pihak dalam menyokong usaha memperkasa penyampaian dan gerak kerja Kerajaan Negeri amat saya hargai.

Sidang Hadirin Sekalian,

4. Hari ini adalah satu hari yang bersejarah buat saya. Hadir di Kuala Pilah yang penuh menghijau ini, bumi telapak adat, untuk bersama-sama dengan penjawat awam, bagi saya melihat sendiri perancangan-perancangan

yang menjadi asas untuk dilaksana demi memajukan daerah Kuala Pilah. Selain itu, saya juga ingin melihat masalah-masalah berkaitan rakyat yang belum diselesaikan di sini.

5. Sebelum itu, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua penjawat awam di Kuala Pilah yang menjayakan pelbagai program sepanjang **Hari Keputeraan Ke-71 Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan**. Antaranya Majlis Negeri Sembilan Berselawat, Istiadat Kawalan Kehormatan

Utama, Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat, acara-acara yang melibatkan rakyat dan pelbagai lapisan masyarakat di Padang Besar Seri Menanti dan pelbagai lagi. Tahniah kepada semua.

6. Saya percaya dengan adanya aktiviti yang melibatkan rakyat di daerah ini, rakyat dapat merasai wujudnya penyampaian perkhidmatan awam kepada mereka. Justeru, saya meletakkan harapan yang tinggi agar penjawat awam di daerah ini boleh membantu Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat di Kuala Pilah, selari dengan

aspirasi iaitu Memperkayakan Hasil,
Memakmurkan Kekayaan.

7. Dalam konteks inilah tercetus idea untuk saya
meninjau sendiri apakah bentuk penyampaian
dan komitmen pemimpin di peringkat daerah.

Seperti kata nasihat orang tua-tua:

mana usang diperbaharui,

mana lapok hai dikajangi,

mana elok dipakai,

kalau singkat disambungkan,

kalau panjang minta dikerat.

8. Manakala untuk perkara-perkara yang dirancang, saya difahamkan telah diatur mesyuarat antara saya bersama Ketua-ketua Jabatan Daerah Kuala Pilah pada petang ini. Sama-sama kita perhalusi idea bernas itu nanti.

Hadirin Yang Budiman,

9. Saya telah pun mengingatkan penjawat awam di Negeri Sembilan ketika **Perhimpunan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus 2019** pada **7 Januari** yang lalu agar semua penjawat awam komited untuk melakukan anjakan paradigma demi kemajuan

daerah mengikut kapasiti dan ruang lingkup kerjaya tuan-tuan dan puan-puan. Saya yakin dengan adanya daya saing yang sihat yang ditunjukkan oleh semua, perkhidmatan awam di daerah ini, rakyat akan merasai nikmatnya.

10. Salah satu daripada lima strategi yang telah saya sebutkan semasa Perhimpunan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus 2019 pada 7 Januari yang lalu, saya mahu penjawat awam meningkatkan hasil dan aktiviti ekonomi baru. Selain meningkatkan kutipan hasil, saya juga mahukan aktiviti

ekonomi dipertingkatkan. Setiap daerah di negeri ini ada keistimewaan masing-masing. Fikirkanlah apa daya tarikan di Kuala Pilah ini.

11. **Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir** sempena **Hari Keputeraan Ke-71 Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan pada 14 Januari 2019**, melalui titah ucapan, baginda turut melihat industri pelancongan di negeri ini amat berpotensi namun belum dipergiat sepenuhnya.

12. Dengan keunikan adat budaya, warisan dan peninggalan sejarah, keindahan semula jadi pantai serta kekayaan biodiversiti, pelancongan di Negeri Sembilan mampu berkembang lebih pesat di peringkat domestik dan antarabangsa.

13. Dalam konteks ini, produktiviti sektor pelancongan di Kuala Pilah seperti produk sabak salai, hasil hutan seperti petai, madu, buah-buahan perlu dioptimumkan penjualannya. Secara tidak langsung, aktiviti ini diyakini akan memberi sumbangan yang tinggi kepada sosio-ekonomi penduduk setempat.

14. Lagu berjudul **Anak Negori**, nyanyian **Aishah** jelas menceritakan keunikan Daerah Kuala Pilah ini. Antara bait-bait tersebut :

Kualo Pilah tolapak adat

Seri Menanti bandar dirajo

15. Pulihara dan pelihara tempat-tempat pelancongan di daerah ini seperti kawasan rekreasi Ulu Bendul, Jeram Beting, Jeram Tengkek, Jeram Senaling, Istana Lama Seri Menanti, Gunung Angsi dan sebagainya dengan menyediakan kemudahan serba moden

untuk kesempurnaan dan kesejahteraan rakyat.

16. Namun, suka saya mengingatkan semua penjawat awam dalam melaksanakan tugas, rasa penuh tanggungjawab, amanah dan berintegriti. Bebaskanlah diri daripada apa jua unsur penyelewengan, salah guna kuasa, ketirisan dan rasuah.

17. YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia ketika **Pelancaran Pelan Anti Rasuah Nasional 2019 - 2023** pada 29 Januari 2019 ada menyebut 6 strategi untuk enam

bidang keutamaan yang cenderung kepada rasuah keutamaan yang menekankan beberapa objektif strategik yang penting. Antaranya:

- 1. Memastikan ketelusan dan akauntabiliti dalam pentadbiran kerajaan.**
- 2. Menangani campur tangan ahli politik dalam perkhidmatan awam dan pentadbiran pihak tempatan.**
- 3. Merekayasa perkhidmatan awam ke arah tadbir urus yang baik.**

4. Mengukuhkan akauntabiliti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

5. Meningkatkan ketelusan perolehan awam, pengurangan risiko rasuah, penyelewengan pasaran dan anti persaingan.

18. Sehubungan itu, saya mahukan seluruh penjawat awam Daerah Kuala Pilah mengambil peranan bagi menjayakan objektif strategik yang telah digariskan di dalam **6 strategi Pelan**

Anti Rasuah Nasional 2019 - 2023. Peranan kita adalah melaksanakannya dan juga di samping menjalankan tugas dengan penuh integriti, telus dan berakauntabiliti dalam mewujudkan tadbir urus yang baik.

19. Akhir kata, sekali saya merakamkan penghargaan dan terima kasih atas jemputan untuk saya hadir pada hari ini. Saya juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada warga penganjur atas usaha dan komitmen tinggi yang dipamerkan dalam menjayakan majlis ini. Semoga kerjasama yang terjalin ini

dapat diteruskan dan dieratkan lagi dalam usaha memacu pembangunan negeri serta mewujudkan persekitaran hidup yang berkualiti dan mampan selaras pegangan kata kunci

•Bersih •Muafakat •Sejahtera.

20. Maka, dengan lafaz Wabillahi Taufik
Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh saya akhiri
ucapan saya pada pagi ini.

Sekian, terima kasih.

Salam Bersih, Muafakat, Sejahtera